

5 MAR 1996

MAMPU JALANKAN KAJIAN ROMBAKAN KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN

BAGAN DATOH, 5 Mac (Bernama) -- Unit Pemodenan Tadbiran Malaysia (Mampu) akan menjalankan kajian mengenai struktur dan tenaga manusia yang diperlukan Kementerian Belia dan Sukan selaras dengan cadangan merombak struktur kementerian itu, kata menterinya Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Katanya beliau telah berbincang dengan Ketua Pengarah Mampu baru-baru ini sebaik sahaja cadangan merombak struktur kementerian disampaikan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri telah bersetuju supaya kakitangan kementerian ditambah dengan mengemukakan permohonan kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (JPA), katanya selepas perjumpaan Hari Raya dengan anggota-anggota Umno Bahagian Bagan Datoh di Hutan Melintang dekat sini malam tadi.

Beliau berkata Struktur kementerian perlu dikaji semula kerana program dan kepakaran kakitangan yang ada masih di tahap lama dan tidak sesuai untuk menangani isu-isu besar mengenai belia pada masa kini.

Menurutnya sehingga hari ini struktur kementerian masih di tahap yang sama seperti 20 tahun yang lalu dengan tidak mempunyai kapasiti pegawai yang mencukupi dalam pelbagai jurusan dan kumpulan perkeranian sama ada di peringkat negeri dan daerah.

Katanya ini yang menyedihkan kerana apabila membincangkan isu belia dan ia memang besar sebagai isu nasional tetapi untuk menanganinya di peringkat kementerian dan jabatan tidak mempunyai tenaga pegawai untuk melaksanakannya. -- BERNAMA

KY AKD